



ANUGERAH PERTADI 2023/2024
ANUGERAH PERTADI (INOVASI KEJURUTERAAN, TEKNOLOGI MAKLUMAT
DAN KOMUNIKASI)

1. LATAR BELAKANG ANUGERAH

ANUGERAH PERTADI (INOVASI KEJURUTERAAN, TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI) merupakan anugerah yang diberikan kepada staf Kumpulan Pengurusan & Profesional (Pentadbir) dalam mendorong perkembangan teknologi baru dan inovasi dalam bidang kejuruteraan, teknologi maklumat, dan komunikasi. Inovasi Kejuruteraan, Teknologi Maklumat dan Komunikasi didefinisikan sebagai satu penghasilan idea yang kreatif dan inovatif khusus dalam bidang kejuruteraan, teknologi maklumat dan komunikasi yang dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan serta memberi faedah kepada pelanggan dan institusi.

2. KRITERIA

Penilaian adalah berdasarkan kepada:

- a. Projek inovasi yang berkaitan dengan bidang kejuruteraan, teknologi maklumat dan komunikasi;
- b. Projek inovasi yang diperkenalkan hendaklah kreatif sama ada yang baharu atau telah diadaptasi. Inovasi yang dihasilkan adalah bagi menangani isu penting dalam pelaksanaan tugas di PTj / Jabatan;
- c. Projek inovasi yang dapat memberi faedah yang jelas kepada peningkatan kualiti dan produktiviti serta memberi impak dalam membantu Universiti / Komuniti / Negara;
- d. Projek inovasi dapat menyumbang kepada cara bekerja yang lebih cekap, cepat, tepat dan mudah;
- e. Projek inovasi boleh diguna pakai oleh agensi-agensi dan pihak-pihak lain secara terus atau dengan diubahsuai mengikut keperluan;
- f. Projek inovasi dapat meningkatkan produktiviti hasil kerja organisasi dengan kos yang sama atau lebih rendah;
- g. Projek inovasi tersebut berupaya membina jaringan dan kelestarian hubungan antara masyarakat, industri dan institusi dalam bentuk kerjasama jangka masa panjang; dan
- h. Sumbangan dan pencapaian yang diambil kira adalah dalam tempoh tiga (3) tahun terkini.

3. SYARAT – SYARAT & PERATURAN

- a. Terbuka kepada semua staf tetap atau kontrak bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) yang telah berkhidmat di UKM;
- b. Memperolehi markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan 85% dan ke atas bagi tempoh tiga tahun ke belakang daripada tahun anugerah;
- c. Calon hendaklah merupakan ahli yang berdaftar dengan PERTADI UKM;
- d. Mempunyai personaliti yang baik dan tidak terlibat dengan kes-kes tatatertib atau salah laku;
- e. Pencalonan perlulah menggunakan borang atau sistem yang telah disediakan;
- f. Pentadbir yang pernah memenangi anugerah untuk pencalonan kategori ini adalah tidak layak mengemukakan pencalonan bagi kategori Anugerah yang sama bagi tempoh dua (2) kali anugerah berikutnya daripada tahun dimenangi. Walau bagaimanapun, Pentadbir tersebut boleh mengemukakan pencalonan untuk kategori Anugerah yang lain;
- g. Pencalonan yang lengkap hendaklah dikemukakan bersama dokumen berikut:
 - i. Curriculum Vitae (CV);
 - ii. Bahan bukti bagi sumbangan dan pencapaian (contoh: sijil, surat penghargaan, surat lantikan, laporan projek, bukti bergambar, keratan akhbar, dll).

Nota: Bahan bukti yang dikemukakan hendaklah mempunyai keterangan jelas yang menunjukkan penglibatan Calon seperti tertera nama atau gambar Calon. Mana-mana sumbangan dan pencapaian yang tidak dikemukakan bahan bukti tidak akan diterima dan tidak akan diberikan markah. Mana-mana bahan bukti yang tidak menunjukkan penglibatan Calon secara jelas juga tidak akan diterima dan tidak akan diberikan markah.
- h. Tarikh tutup pencalonan ialah pada **30 April 2024 (Selasa)**.

4. HADIAH

- a. Sijil Pemenang; dan
- b. Hadiah / Cenderamata.

5. PROSEDUR PENCALONAN DAN PEMILIHAN PEMENANG

- a. Pencalonan hendaklah dibuat menggunakan sistem yang disediakan. Kaedah pencalonan adalah seperti berikut:
 - i. Mencalonkan diri sendiri;
 - ii. Dicalonkan oleh rakan sekerja; atau
 - iii. Dicalonkan oleh Ketua PTj / Jabatan.
- b. Semua pencalonan yang lengkap akan dikemukakan kepada Panel Penilai untuk tujuan pemilihan muktamad. Hanya seorang sahaja akan dipilih sebagai pemenang untuk kategori ini bagi setiap penarafan;

- c. Pemilihan pemenang adalah berdasarkan kepada pencapaian markah minimum yang ditetapkan oleh Panel Penilai. Sekiranya tiada calon yang mencapai markah minimum yang ditetapkan, tiada penerima bagi kategori anugerah ini; dan
- d. Keputusan akhir akan diumumkan pada Mesyuarat Agung PERTADI 2024.

6. PENUTUP

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada:

Jawatankuasa Anugerah PERTADI 2023/2024

Emel: zaidj_mn@ukm.edu.my

Telefon: 03-8911 8225

BORANG PENCALONAN
ANUGERAH PERTADI (INOVASI KEJURUTERAAN,
TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI)

Gambar
terkini
berukuran
passport

(Sila Gunakan Satu Borang Bagi Setiap Permohonan / Pencalonan)

1. MAKLUMAT DIRI

- a. Nama :
- b. Jawatan / Gred :
- c. PTj :
- d. Institusi :
- e. Alamat Institusi :
- f. No. Telefon :
- g. Emel :
- h. Faks :

2. MAKLUMAT PERKHIDMATAN

- a. Tempoh berkhidmat sebagai kakitangan :
- b. Rekod perkhidmatan di Universiti :
- c. Kelayakan akademik tertinggi :
- d. Kelayakan badan profesional (jika berkenaan) :
- e. Markah KPI bagi tempoh 3 tahun kebelakang : ____/____/____

3. PERINCIAN MAKLUMAT

Sila gunakan lampiran sekiranya ruang tidak mencukupi.

i. Senarai Projek

Bil.	Perkara / Projek	Peringkat	Peranan (Ketua Projek/ Penyelidik Bersama)

ii. Anugerah / Pengiktirafan Di Peringkat Universiti / Komuniti / Negeri / Kebangsaan / Antarabangsa Terhadap Projek Inovasi

Bil.	Perkara / Projek	Anugerah/Pengiktirafan dan Peringkat

iii. Pendaftaran Harta Intelekt (sekiranya ada)

Bil.	Perkara / Projek	No. Pendaftaran Harta Intelekt

iv. Impak Projek Inovasi Kepada Peningkatan Kualiti

Bil.	Perkara / Projek	Impak (Tandakan v)			Peringkat	Keterangan Ringkas
		Menjana Pendapatan	Meningkatkan Kecekapan	Digunapakai oleh agensi luar		

v. Keberkesanan Kos / Penjimatan Melalui Projek Inovasi

Bil.	Perkara / Projek	Jumlah (RM)

vi. Nyatakan Jaringan Kerjasama Peringkat Jabatan / Universiti / Negeri / Kebangsaan / Antarabangsa

Bil.	Perkara / Projek	Peringkat

4. PENGAKUAN PEMOHON & PENGESAHAN

Bahagian A: Pengesahan Pemohon

Saya mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan adalah benar. Saya memahami bahawa sekiranya ada antara maklumat atau dokumen sokongan yang disertakan didapati palsu, permohonan saya akan terbatal dengan sendirinya.

.....

Tandatangan pemohon:

.....

Tarikh:

Bahagian B: Pengesahan Pencalonan Oleh Pengerusi/Presiden Persatuan

Saya mengesahkan staf ini merupakan ahli persatuan untuk dicalonkan bagi anugerah kategori di atas berasaskan pencapaian beliau yang cemerlang dan membanggakan dalam kategori tersebut.

Cop Rasmi:

.....

Tandatangan:

.....

Tarikh:

5. SEMAKAN URUS SETIA

Nama penerima & cop:

Tarikh: